

SEKSYEN 1

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

3	PERSPEKTIF KESELURUHAN
4	TINDAKAN PENGIMBANGAN YANG TELITI – PEMBAHARUAN FISKAL DAN DAYA TAHAN EKONOMI
4	KEDUDUKAN FISKAL 2025
6	TINJAUAN 2026
6	RANGKA KERJA FISKAL JANGKA SEDERHANA (MTFF) 2026 – 2028
7	KESIMPULAN

SEKSYEN 1

Perspektif Keseluruhan Dasar Fiskal

Perspektif Keseluruhan

Landskap ekonomi global diunjur berdasarkan pertumbuhan KDNK yang menyederhana, dengan negara maju dijangka menghadapi kelembapan ekonomi yang lebih ketara berbanding negara sedang membangun. Pergolakan geopolitik yang berlarutan, ketegangan perdagangan terutamanya berkaitan tarif AS dan inflasi yang berterusan akan terus mempengaruhi perkembangan ekonomi. Sehubungan itu, strategi fiskal yang bersesuaian memerlukan tindakan pengimbangan yang teliti dalam mengutamakan sokongan bersasar, daya tahan jangka masa panjang dan membina semula penampakan fiskal ketika ekonomi global berhadapan fasa ketidakpastian. Dalam persekitaran yang kompleks ini, dasar fiskal perlu berkembang melangkaui langkah rangsangan secara meluas dan menggunakan pakai pendekatan yang lebih strategik. Pelaksanaan dasar fiskal mengembang sejak beberapa tahun untuk menangani kesan ekonomi yang ketara akibat pandemik menyebabkan kebanyakan negara memberikan tumpuan utama dalam mengawal defisit dan membina semula ruang fiskal. Langkah tersebut penting untuk menyediakan negara bagi menghadapi kejutan masa hadapan dan memastikan kemampuan hutang jangka panjang.

Dari perspektif domestik, Malaysia sedang berusaha untuk menempatkan semula negara ini menjadi antara peneraju ekonomi Asia seperti yang diaspirasikan di bawah kerangka Ekonomi MADANI. Kerajaan memberikan keutamaan untuk menangani cabaran jangka masa panjang termasuk kesenjangan pendapatan, ketidakseimbangan

pembangunan antara wilayah dan kesan perubahan iklim. Di samping itu, isu struktur fiskal yang berpunca daripada asas hasil yang kecil dan beban subsidi yang tinggi serta pelaksanaan rangsangan fiskal yang ketara semasa krisis telah menyebabkan peningkatan paras hutang pascapandemik. Dalam hal ini, Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13) menggariskan pelan hala tuju strategik dan agenda pembaharuan untuk menangani cabaran tersebut dan menerajui perjalanan pembangunan negara dalam tempoh lima tahun akan datang. Rancangan ini menekankan anjakan struktur dalam dasar dan inisiatif domestik yang meningkatkan potensi pertumbuhan. Kerajaan turut meneruskan pelaburan strategik dalam bidang yang meningkatkan daya tahan jangka masa panjang terutamanya dalam mempelbagaikan perdagangan, mengukuhkan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan awam serta merapatkan jurang pembangunan antara wilayah.

Malaysia sedang melaksanakan pelan konsolidasi fiskal secara berperingkat dengan langkah pembaharuan yang jelas dan berwibawa berpandukan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]. Langkah peningkatan hasil telah dilaksanakan dan dipergiat secara berperingkat mulai 2024. Keutamaan perbelanjaan telah disusun semula kepada program dan projek berimpak tinggi manakala pemberian subsidi secara pukal telah beralih ke bantuan yang lebih bersasar dan berdasarkan saringan keperluan. Reka bentuk sistem perlindungan keselamatan sosial yang baik penting untuk melindungi keperluan kumpulan yang mudah terjejas daripada kejutan ekonomi dan memastikan pertumbuhan terangkum. Sementara itu, pembaharuan fiskal sedang dilaksanakan untuk

meminimumkan pendedahan risiko termasuk penstrukturan semula skim persaraan daripada manfaat ditentukan (*defined benefit*) kepada caruman ditentukan (*defined contribution*) bagi menangani liabiliti fiskal jangka masa panjang.

Tindakan Pengimbangan yang Teliti – Pembaharuan Fiskal dan Daya Tahan Ekonomi

Dalam keadaan permintaan luar yang dijangka menyederhana, Belanjawan 2026 sebagai belanjawan pertama di bawah RMK13 akan memberikan tumpuan untuk mengukuhkan ekonomi domestik dan menggalakkan pelaburan swasta. Belanjawan ini mengimbangi antara kepentingan konsolidasi fiskal dalam mengurangkan defisit dan hutang dengan keperluan untuk merangsang pertumbuhan, menambah baik jaringan keselamatan sosial dan melabur dalam sektor yang berupaya memacu transformasi. Selain itu, Belanjawan 2026 membolehkan Malaysia meningkatkan lagi daya tahan dan pertumbuhan inklusif melalui pendirian fiskal yang mengembang di samping kekal berhemat disokong oleh langkah dan pelaburan strategik yang bersasar.

Insentif fiskal juga diberikan untuk menarik pelaburan swasta dari dalam dan luar negara dan disokong oleh usaha mengurangkan birokrasi dan menambah baik kemudahan menjalankan perniagaan. Kerjasama awam swasta dan platform pelaburan bersama akan dimanfaatkan untuk meningkatkan pelaburan domestik dan pembangunan modal insan serta memangkin peralihan hijau dan digital terutamanya melalui pelbagai inisiatif oleh entiti berkaitan kerajaan. Selain itu, Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 (PIKAS 2030) memberikan penekanan kepada model berasaskan bayaran oleh pengguna untuk menggalakkan pelaburan modal swasta bagi

pembangunan infrastruktur dengan tumpuan kepada projek pemangkin yang menghasilkan limpahan ekonomi yang luas.

Pengendalian dasar fiskal akan dilaksanakan dalam rangka kerja perundangan kewangan awam yang berlandaskan Akta 850 serta perundangan lain yang berkaitan. Rang Undang-Undang Perolehan Kerajaan 2025 yang diluluskan baru-baru ini akan meningkatkan tadbir urus dan ketelusan yang menyokong perbelanjaan awam yang cekap. Di samping itu, analisis kemampuan hutang dijalankan secara berkala dalam rangka kerja fiskal jangka sederhana bagi menilai keupayaan Kerajaan untuk memenuhi obligasi hutang pada masa hadapan. Selain itu, pemantauan jaminan kewangan yang dihadkan pada 25% daripada KDNK di bawah Akta 850 akan dinilai secara berterusan dan teliti bagi memastikan pendedahan risiko fiskal kekal terkawal. Agensi penarafan kredit antarabangsa utama juga telah mengekalkan penarafan berdaulat dan prospek negara dan pengesahan ini mengiktiraf pengurusan makroekonomi dan fiskal Kerajaan yang kukuh. Pengukuhan kedudukan fiskal akan membolehkan Malaysia menghadapi kejutan luaran di samping memastikan sumber kewangan mencukupi untuk meneruskan agenda pembangunan jangka masa sederhana dan panjang.

Kedudukan Fiskal 2025

Pertumbuhan ekonomi kekal berdaya tahan dan terus didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, pasaran buruh yang baik serta aktiviti sektor perkhidmatan dan pembuatan yang rancak meskipun berdepan ketidakpastian sektor luaran pada separuh pertama 2025. Kerajaan menyasarkan defisit fiskal yang lebih rendah seperti dibentangkan dalam Belanjawan 2025 iaitu 3.8% daripada KDNK berbanding 4.1% pada 2024.

Kutipan hasil dianggar berjumlah RM334.1 bilion iaitu meningkat 2.9% berbanding RM324.6 bilion pada 2024. Prestasi hasil cukai akan diperkukuh melalui semakan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) serta pelaksanaan sistem e-Invois secara berperingkat. Di samping itu, hasil bukan cukai dijangka kekal stabil disokong oleh terimaan daripada pendapatan pelaburan. Sementara itu, hasil berkaitan petroleum dijangka sebanyak RM56.6 bilion atau sekitar 17% daripada jumlah hasil berikutan jangkaan harga komoditi yang lebih rendah.

Selaras dengan pendirian fiskal yang lebih berdisiplin, jumlah perbelanjaan telah disemak semula kepada RM412.1 bilion iaitu peningkatan sebanyak 1.6% berbanding 2024. Perbelanjaan mengurus (OE) dijangka meningkat sederhana iaitu 3.3% kepada RM332.1 bilion berikutan langkah pengoptimuman perbelanjaan yang meliputi penyusunan semula keutamaan program dan penelitian semula subsidi pukal. Penjimatan daripada pelaksanaan penyasaran subsidi bahan api disalurkan semula terutamanya melalui bantuan tunai untuk Budi MADANI dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) serta menambah baik kemudahan kesihatan, pendidikan dan infrastruktur asas.

Program BUDI MADANI RON95 (BUDI95) diperkenalkan dengan had bulanan 300 liter bagi setiap warganegara yang mempunyai lesen memandu yang sah pada harga subsidi RM1.99 seliter bagi menambah baik agenda penyasaran semula subsidi. Sementara itu, sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-68 dan Hari Malaysia sebanyak RM2 bilion diperuntukkan untuk Sumbangan Asas Rahmah (SARA) RM100 secara *one-off*. Perbelanjaan pembangunan (DE) diunjur sebanyak RM80 bilion dan kekal melebihi 3% daripada KDNK selaras dengan objektif fiskal di bawah Akta 850 serta menunjukkan komitmen berterusan terhadap pelaburan awam.

Langkah tambahan berkaitan peningkatan hasil dan kecekapan perbelanjaan tersebut memperkukuh komitmen Kerajaan untuk mencapai sasaran defisit fiskal sebanyak 3.8% daripada KDNK. Sementara itu, baki primer iaitu baki tidak termasuk bayaran khidmat hutang dijangka mencatat defisit yang lebih rendah sebanyak 1.1% daripada KDNK. Keperluan pinjaman kasar Kerajaan dijangka berkurang melalui sasaran defisit lebih rendah secara berterusan menyokong trajektori hutang yang lebih mampan dalam jangka masa sederhana.

JADUAL 1.1. Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2024 – 2026

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)		
	2024	2025 ²	2026 ³	2024	2025 ²	2026 ³	2024	2025 ²	2026 ³
Hasil	324,618	334,115	343,124	3.1	2.9	2.7	16.8	16.6	16.1
Perbelanjaan mengurus	321,509	332,150	338,202	3.3	3.3	1.8	16.6	16.5	15.9
Baki semasa	3,109	1,965	4,922				0.2	0.1	0.2
Perbelanjaan pembangunan kasar	84,012	80,000	81,000	-12.6	-4.8	1.3	4.2	4.0	3.8
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,737	1,321	1,500	72.5	-23.9	13.6	0.1	0.1	0.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	82,275	78,679	79,500	-13.5	-4.4	1.0	4.3	3.9	3.7
Baki keseluruhan	-79,166	-76,714	-74,578				-4.1	-3.8	-3.5
Baki primer¹	-28,685	-22,414	-16,278				-1.5	-1.1	-0.8

¹ Tidak termasuk bayaran khidmat hutang

² Anggaran disemak

³ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Tinjauan 2026

Tinjauan ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan disokong oleh permintaan domestik yang kukuh sebagai pemacu utama pertumbuhan. Dasar fiskal akan kekal menyokong pertumbuhan di samping mengimbangi konsolidasi kewangan awam. Kutipan hasil untuk 2026 dianggar berjumlah RM343.1 bilion didorong oleh peningkatan dalam cukai langsung dan tidak langsung. Pelaksanaan setahun penuh cukai jualan yang diperluas dan peningkatan cukai perkhidmatan serta disokong oleh inisiatif pendigitalan berterusan oleh agensi kutipan cukai berkaitan akan memastikan penjanaan hasil lebih mampan. Pemakaian sistem e-Invois yang dilaksanakan secara berperingkat mulai 2024 akan diwajibkan ke atas perniagaan dengan pendapatan tahunan antara RM1 juta hingga RM5 juta pada 2026 seterusnya menyumbang ke arah pematuhan dan pentadbiran cukai lebih menyeluruh. Sementara itu, hasil bukan cukai diunjur berkurang kepada RM72.7 bilion terutamanya disebabkan oleh jangkaan pendapatan pelaburan yang lebih rendah.

Dari segi perbelanjaan, Kerajaan akan terus meningkatkan kecekapan dalam perbelanjaan awam melalui penyusunan semula keutamaan dan pengagihan sumber fiskal yang lebih bersasar. Jumlah perbelanjaan dianggar RM419.2 bilion atau 19.7% daripada KDNK. Peruntukan OE diunjur meningkat sederhana berjumlah RM338.2 bilion atau 15.9% daripada KDNK berikutan peruntukan subsidi yang lebih rendah walaupun terdapat peningkatan dalam komponen OE yang lain. Sementara itu, peruntukan DE dinaikkan kepada RM81 bilion atau 3.8% daripada KDNK bagi membiayai program dan projek baharu di bawah RMK13. Di samping itu, pelaburan sumber secara bersama melalui entiti berkaitan kerajaan dan projek di bawah PIKAS 2030 akan menjadi pelengkap kepada agenda pembangunan negara. Dasar perbelanjaan akan terus memberikan tumpuan kepada penyasaran

semula subsidi menyeluruh untuk memastikan bantuan diberikan kepada penerima yang berkelayakan. Pengoperasian Akta Perolehan Kerajaan 2025 akan meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan mengurangkan ketirisan. Kesemua langkah ini akan membolehkan lebih banyak sumber fiskal digunakan semula untuk menambah baik program bantuan sosial dan projek pembangunan yang menjana pulangan ekonomi dan sosial dalam jangka masa panjang.

Secara keseluruhan, defisit fiskal diunjur mengecil kepada 3.5% daripada KDNK pada 2026 selaras dengan trajektori jangka masa sederhana berpandukan objektif fiskal di bawah Akta 850. Langkah konsolidasi secara berperingkat ini menunjukkan usaha Kerajaan yang teguh dalam mengimbangi antara usaha menyokong pertumbuhan dengan mengekalkan disiplin fiskal. Sementara itu, defisit primer dijangka berkurang kepada 0.8% daripada KDNK sekali gus menunjukkan komitmen konsolidasi fiskal yang berterusan.

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) 2026 – 2028

Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) tiga tahun disediakan selaras dengan sasaran kemampanan fiskal di bawah Akta 850 serta kerangka Ekonomi MADANI. Rangka kerja ini akan menyokong pelaksanaan RMK13 di samping mengekalkan trajektori konsolidasi fiskal. Andaian utama dalam MTFF termasuk purata pertumbuhan KDNK benar sebanyak 4.9% dengan harga minyak mentah purata diunjur pada USD70 setong dan pengeluaran minyak mentah antara 450,000 hingga 500,000 tong sehari.

Jumlah hasil bagi tempoh 2026 - 2028 diunjur pada RM1,072.2 bilion atau 15.7% daripada KDNK disumbangkan oleh hasil bukan

petroleum sebanyak RM943.1 bilion atau 13.8% daripada KDNK yang meliputi 88% daripada jumlah hasil. Peningkatan ini dijangka disokong oleh kutipan SST lebih baik, pematuhan cukai melalui pendigitalan serta Cukai Minimum Global (GMT). Hasil berkaitan petroleum dianggarkan lebih sederhana kepada RM129.1 bilion atau 1.9% daripada KDNK sejajar dengan usaha mempelbagaikan hasil. Siling indikatif untuk OE dianggarkan sebanyak RM1,045.9 bilion atau 15.4% daripada KDNK manakala DE diunjur pada RM247 bilion atau 3.6% daripada KDNK. Defisit fiskal purata dijangka berjumlah 3.2% daripada KDNK dalam jangka masa sederhana yang mengukuhkan trajektori fiskal ke arah pencapaian sasaran defisit sebanyak 3% pada 2028.




JADUAL 1.2. *Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF), 2026 – 2028*

	RM BILION	BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)
Hasil	1,072.2	15.7
Bukan petroleum	943.1	13.8
Berkaitan petroleum	129.1	1.9
Perbelanjaan mengurus	1,045.9	15.4
Baki semasa	26.3	0.4
Perbelanjaan pembangunan kasar	247.0	3.6
Tolak: terimaan balik pinjaman	3.9	0.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	243.1	3.6
Baki keseluruhan	-216.8	-3.2
Baki primer	-31.7	-0.5
Andaian asas:		
Purata pertumbuhan KDNK benar (%)	4.9	
Purata pertumbuhan KDNK nominal (%)	6.3	
Purata harga minyak mentah (USD/tong)	70	
Pengeluaran minyak mentah (tong/hari)	450,000 - 500,000	

Nota: Anggaran MTFF tidak termasuk langkah Belanjawan 2026
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kesimpulan

Pendirian fiskal Malaysia kekal disokong oleh daya tahan ekonomi dan kemampuan fiskal di samping memastikan kesejahteraan rakyat. Langkah konsolidasi sedang dilaksanakan secara berperingkat dan selaras dengan mandat di bawah Akta 850. Pembaharuan berterusan dalam pentadbiran hasil, pengurusan perbelanjaan dan penyasaran semula subsidi mencerminkan pendekatan yang berdisiplin selain kekal adaptif terhadap keperluan pembangunan. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus memastikan pelarasan strategi fiskal seiring dengan keutamaan pembangunan jangka masa sederhana di bawah RMK13 di samping mengekalkan fleksibiliti untuk bertindak balas terhadap cabaran yang semakin meningkat. Pendirian seimbang ini mengukuhkan keyakinan bahawa Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk mencapai sasaran fiskal dan meletakkan asas demi kestabilan ekonomi jangka masa panjang dan pertumbuhan yang terangkum.

RAJAH 1.1. Baki Keseluruhan dan Primer Kerajaan Persekutuan**RAJAH 1.2.** Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Baki Semasa Kerajaan Persekutuan**RAJAH 1.3.** Baki Keseluruhan MTFF Kerajaan Persekutuan¹ Anggaran disemak² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026³ Unjuran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia